

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SPAN/JKAP/STD/702-1/2 KCT.1(20)  
Tarikh : 31 Mei 2021

(Sila nyatakan rujukan apabila menjawab surat ini)

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) 2014 - Makluman Pindaan**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pihak SPAN telah melakukan pindaan terhadap Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2021 mula berkuatkuasa pada 10 Mei 2021 kecuali peruntukan yang dinyatakan dalam subkaedah (3) yang akan mula berkuatkuasa pada 10 Mei 2023.

3. Di antara kandungan utama Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2021 adalah seperti berikut:

#### **Pindaan Kaedah 2**

- a. Menggantikan takrifan 'pemaju' kepada takrifan yang baharu.
- b. Memasukkan tafsiran 'takungan perkhidmatan'.

#### **Pindaan Kaedah 7**

- a. Menggantikan perkataan "dan sesalur utama bekalan di dalam kawasan pembangunan itu" dalam perenggan 3(a) dengan perkataan "atau sesalur utama bekalan ke kawasan pembangunan itu atau kedua-duanya".
- b. Memasukkan perkataan "air" selepas perkataan "Jika pemegang lesen pengagihan" dalam subkaedah (4) untuk teks bahasa kebangsaan.

**Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara**

Ibu Pejabat  
Aras Bawah & Aras 1, Prima Avenue 7,  
Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia.

**T** 603 8317 9333/334/335 **F** 603 8317 9336/339  
**W** www.span.gov.my



- c. Menggantikan perkataan “takungan perkhidmatan terpusat bersama dengan sesalur utama bekalan yang akan disambungkan ke sesalur utama awam” dalam subkaedah (4) dengan perkataan “takungan perkhidmatan terpusat atau sesalur utama bekalan yang akan disambungkan ke sesalur utama awam atau kedua-duanya”.

#### **Kaedah Baharu 33A dan 33B**

- a. Tambahan Kaedah 33A untuk ketetapan berhubung produk cekap air iaitu “**Kadar aliran kepala paip dan injap bercampur**”.
- b. Tambahan Kaedah 33B untuk ketetapan berhubung produk cekap air iaitu “**Kadar aliran kepala paip mandian, injap peencampur mandian dan pancuran mandi**”.

#### **Pindaan Kaedah 65**

- a. Memotong perkataan “Kecuali bagi tangki simbah yang menggunakan sistem sifon” dalam subkaedah 65(1).

#### **Pindaan Kaedah 75**

- a. Memotong perkataan “atau penggantian semula” dalam subkaedah 75(2) untuk teks bahasa kebangsaan.

#### **Pindaan Kaedah 79**

- a. Meminda format penomboran (a) dan (b) yang berulang dalam subkaedah 79(1).

#### **Pindaan Kaedah 81**

- a. Memotong perkataan “dan peranti pemadaman kebakaran yang lain” dalam Kaedah ini.

#### **Pindaan Kaedah 83**

- a. Meminda tafsiran bagi “Pengurusan” dalam Kaedah ini.

#### **Pindaan Kaedah 98**

- a. Memasukkan perkataan “dan” selepas perkataan “jika berkenaan;” dalam subkaedah 98(1) perenggan (a).
- b. Memotong perenggan (b) bagi subkaedah 98(1)

### **Pindaan Jadual Pertama**

- a. Pindaan ke atas subbutiran (xiii) dan (xvii) dalam butiran (A).
- b. Pindaan ke atas subbutiran (i), (ix), (xviii) dan (xxix) dan tambahan subbutiran (xxxv) dalam butiran (B).
- c. Tambahan subbutiran (x) dalam butiran (D).
- d. Pindaan ke atas subbutiran (i), (iii), (iv) dan (vi) dan tambahan subbutiran (xvi) dalam butiran (E).
- e. Pindaan ke atas subbutiran (i) dan (ii) dan tambahan subbutiran (iii) dalam butiran (H).

### **Pindaan Jadual Kelima**

- a. Menggantikan perkataan "serahan" dengan perkataan "set" dalam ruang (3), Jadual Kelima.

### **Pindaan Jadual Ketujuh**

- a. Menggantikan perkataan "serahan" dengan perkataan "set" dalam ruang (3), Jadual Ketujuh.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan salinan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2021 untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

5. Segala perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MELESTARIKAN PERKHIDMATAN AIR"**

Yang benar,



**(Ir. MUHAMAD SOBRI BIN ZAKARIA)**

Pengarah Eksekutif

Jabatan Kawal Selia Air dan Pembedungan

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

NB/SAML/NMY





**EDARAN DALAMAN:**

1. Ketua Pegawai Eksekutif
2. Pengarah Kanan, Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan (BSTP), JKAP
3. Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan dan Audit Industri (BPAI)
4. Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasaan (BP)
5. Pengarah Kanan, Bahagian Undang-Undang (BUU)
6. Pengarah Kanan, Bahagian Operasi Wilayah (BOW)
7. Pengarah, Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan (BSPT), JKAP
8. Pengarah, Pejabat Wilayah Tengah
9. Pengarah, Pejabat Wilayah Utara
10. Pengarah, Pejabat Wilayah Timur
11. Pengarah, Pejabat Wilayah Selatan
12. Ketua Cawangan Perak
13. Ketua Cawangan Melaka
14. Ketua Cawangan Pahang
15. Ketua Cawangan Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. **SETIAUSAHA BAHAGIAN**  
Bahagian Perkhidmatan Air dan Pembentukan  
Kementerian Alam Sekitar dan Air  
Aras 3, Blok F11, Kompleks F,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 **Putrajaya**

Faks : 03 8091 7000

**SENARAI EDARAN:**

1. **SETIAUSAHA BAHAGIAN**  
Bahagian Pembangunan & Penswastaaan  
Kementerian Kerja Raya  
Tingkat 4, Blok A,  
Kompleks Kerja Raya,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur  
Faks : 03 2711 4788
  
2. **PENGARAH**  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)  
Aras 3-7, Blok E3, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 **Putrajaya**  
Faks : 03 8892 4873
  
3. **SETIAUSAHA BAHAGIAN**  
Bahagian Prasarana  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)  
Aras 23, No 47,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 **Putrajaya**  
Faks : 03 8888 2337
  
4. **SETIAUSAHA BAHAGIAN**  
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)  
Aras 5 - 9, No. 51,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 **Putrajaya**  
Faks : 03 8891 3490
  
5. **SETIAUSAHA BAHAGIAN**  
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal  
Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)  
Aras 6, Blok 2,  
Menara Seri Wilayah, Presint 2  
62100 **Putrajaya**  
Faks : 03 8889 7921

6. **KETUA PENGARAH KERJA RAYA**  
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)  
Pejabat KPKR,  
Tingkat 33, Blok G,  
Ibu Pejabat JKR Malaysia,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50480 **Kuala Lumpur** Faks : 03 2618 8799
  
7. **KETUA PENGARAH**  
Jabatan Perumahan Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 30-38, No. 51,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 **Putrajaya** Faks : 03 8891 4088
  
8. **KETUA PENGARAH**  
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)  
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan  
Aras 13, Blok F5, Parcel F, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62675 **Putrajaya** Faks : 03 8091 0455
  
9. **PENGARAH BESAR**  
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)  
Aras 47, Menara Felda,  
Platinum Park,  
No 11 Persiaran KLCC,  
50088 **Kuala Lumpur** Faks : 03 2191 2570
  
10. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)  
24th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square,  
8, Jalan Munshi Abdullah,  
50100 **Kuala Lumpur** Faks : 03 2191 2570
  
11. **PRESIDENT**  
The Malaysian Water Association (MWA)  
No. 24-2, Jalan Sri Hartamas 8,  
Taman Sri Hartamas,  
50480 **Kuala Lumpur** Faks : 03 6201 5801



12. **PRESIDENT**  
Association Of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)  
Suite 20-9, Menara 1MK,  
No. 1, Jalan Kiara,  
Mont' Kiara,  
50480 Kuala Lumpur Faks : 03 6413 1503
13. **PRESIDENT**  
Institution of Engineers (IEM)  
Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,  
Jalan 52/4, Peti Surat 223 (Jalan Sultan),  
46720 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan Faks : 03 7957 7678
14. **PRESIDENT**  
Board of Engineers (BEM)  
Tingkat 17,  
Blok F Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur Faks : 03 2692 5017
15. **PRESIDENT**  
Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)  
99L, Jalan Tandok,  
Bangsar,  
59100 Kuala Lumpur Faks : 03 2202 2566
16. **PRESIDENT**  
Master Builders Association Malaysia  
No. 2, Jalan 2/109E,  
Desa Business Park,  
58100 Kuala Lumpur Faks : 03 7982 6811
17. **PRESIDENT**  
Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA)  
Wisma REHDA  
No. 2C, Jalan SS5D/6  
Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan Faks : 03 7803 5285

18. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP)  
KM 3, Jalan Raja Syed Alwi  
01000 Kangar  
**Perlis** Faks : 04 973 3319
19. **PENGARAH**  
Bahagian Bekalan Air W.P Labuan (BBAL)  
Jalan Jumidar Buyong,  
Peti Surat 80934,  
87019 Labuan,  
**WP Labuan** Faks : 087 410 203
20. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP)  
Kompleks Jabatan Bekalan Air  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan  
**Pahang Darul Makmur** Faks : 09 571 2221
21. **PENGARAH**  
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS)  
Tingkat 2, PKNNS Building  
Jalan Persiaran S2 B2  
70300 Seremban  
**Negeri Sembilan Darul Khusus.** Faks : 06 601 5456
22. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA)  
No. 892, Jalan Sultan Badlishah  
05582 Alor Setar  
**Kedah Darul Aman** Faks : 04 740 0510
23. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Ranhill SAJ Sdn. Bhd. (Ranhill SAJ)  
Jalan Garuda Larkin  
80350 Johor Bahru  
**Johor Darul Takzim** Faks : 07 223 4060



24. **PENGURUS BESAR**  
Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB)  
Wisma Air Kelantan  
Lot 188, Jalan Kuala Krai  
15050 Kota Bharu  
**Kelantan Darul Naim** Faks : 09 747 2030
25. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU)  
Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
**Terengganu Darul Iman** Faks : 09 620 1104
26. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor)  
Jalan Pantai Baharu,  
59200 Kuala Lumpur,  
**WP Kuala Lumpur** Faks : 03 2282 7976
27. **PENGURUS BESAR**  
Lembaga Air Perak (LAP)  
Jalan St. John  
30200 Ipoh  
**Perak Darul Ridzuan** Faks : 05 243 3214
28. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP)  
Aras 32, Menara KOMTAR, Jalan Penang  
10000 Georgetown  
**Pulau Pinang** Faks : 04 261 3581
29. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB)  
Lot 897, G, 1, 5-9, Wisma Air  
Jalan Hang Tuah  
75900 **Melaka** Faks : 06 283 7266
30. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Taliworks Corporation Berhad  
Level 19, Menara LGB  
No. 1, Jalan Wan Kadir, Taman Tun Dr Ismail  
50450 **Kuala Lumpur** Faks : 03 2788 9101

31. **PENGARAH**  
Aliran Utara Sdn. Bhd.  
Level 1, Tower Block,  
Syed Kechik Foundation Building,  
Jalan Kapas, Bangsar,  
59100 **Kuala Lumpur** Faks : 03 228 00 494
32. **PENGARAH URUSAN**  
Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd.  
B-4-03, Tingkat 4  
No. 42, Persiaran Greentown 1  
Greentown Business Centre  
30450 Ipoh  
**Perak Darul Ridzuan** Faks : 05 253 5118
33. **PENGARAH EKSEKUTIF**  
Air Utara Indah Sdn. Bhd.  
Tingkat 2, Bangunan Emum 33  
No. 55, Jalan Gangsa  
05150 Alor Setar  
**Kedah Darul Aman** Faks : 04 730 2257
34. **PENGURUS BESAR**  
Gamuda Water Sdn. Bhd.  
58C, Tingkat 3, Jalan SS 22/25  
Damansara Jaya  
47400 Petaling Jaya  
**Selangor Darul Ehsan** Faks : 03 7727 4921
35. **PENGARAH**  
Prisma Karun Sdn. Bhd.  
No. 9, Jalan 11, Taman Aman Fasa 7  
01000 Kangar  
**Perlis** Faks : 04 977 9628
36. **PENGARAH EKSEKUTIF**  
Bekalan Air KIPC Sdn. Bhd.  
KM 13, Jalan Dungun – Bukit Besi  
P.O Box 727  
23000 Dungun  
**Terengganu Darul Iman** Faks : 09 620 1104

37. **PENGARAH URUSAN**  
Veolia Water (Dungun) Sdn. Bhd.  
Loji Air Kemudi  
KM 13, Jalan Dungun - Bukit Besi  
23000 Dungun  
**Terengganu Darul Iman**

Faks : 09 845 1297



## SCHEDULE

[Rule 2]

Copy	Fee per copy (RM)
Hard copy	100.00
Electronic form	50.00

Made 30 April 2021

[DBKL/JUP/BPPP/GN/808 Jld. 8; PN(PU2)396/VIII]

DATUK SERI HAJI MAHADI BIN CHE NGAH  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Approved 6 May 2021

[KWP(S)/PUU/698/1/1/94 Jld. 3; PN(PU2)396/VIII]

TAN SRI TPE ANNUAR BIN HJ. MUSA  
*Minister of Federal Territories*

**P.U. (A) 222.****AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006****KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN  
PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 180 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 10 Mei 2021 kecuali peruntukan yang dinyatakan dalam subkaedah (3).

(3) Subperenggan 11(b)(iv), 11(d)(i), 11(d)(ii) dan 11(d)(iii) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 10 Mei 2023.

**Pindaan kaedah 2**

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 [P.U. (A) 36/2014], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2—

(a) dengan menggantikan takrif “pemaju” dengan takrif yang berikut:

‘ “pemaju” ertinya mana-mana orang atau agensi kerajaan yang terlibat dalam atau melaksanakan atau menjalankan atau memberikan wang untuk membangunkan kerja-kerja berkaitan dengan sistem bekalan air;’; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “stesen persampelan” takrif yang berikut:

‘ “takungan perkhidmatan” ertinya apa-apa takungan untuk menyimpan air terawat pada tekanan atmosfera, yang dibina atau akan dibina bagi maksud memberikan perkhidmatan ke suatu kawasan pembangunan;’.

**Pindaan kaedah 7**

3. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 3(a), dengan menggantikan perkataan “dan sesalur utama bekalan di dalam kawasan pembangunan itu” dengan perkataan “atau sesalur utama bekalan ke kawasan pembangunan itu atau kedua-duanya”; dan

(b) dalam subkaedah (4)—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “Jika pemegang lesen pengagihan” perkataan “air”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “takungan perkhidmatan terpusat bersama dengan sesalur utama bekalan yang akan disambungkan ke sesalur utama awam” dengan perkataan “takungan perkhidmatan terpusat atau sesalur utama bekalan yang akan disambungkan ke sesalur utama awam atau kedua-duanya”.

**Kaedah baharu 33A dan 33B**

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 33 kaedah yang berikut:

**“Kadar aliran kepala paip dan injap pencampur**

**33A.** Seseorang yang memasang kepala paip dan injap pencampur hendaklah memastikan kadar aliran kepala paip dan injap pencampur itu tidak melebihi 8 liter per minit kecuali bagi—

- (a) aktiviti pembersihan yang memerlukan kadar aliran air yang lebih tinggi;
- (b) aktiviti siraman tanaman yang menggunakan hos dan memerlukan kadar aliran air yang lebih tinggi; dan
- (c) aktiviti cucian kenderaan di pusat cucian kereta.

**Kadar aliran kepala paip mandian, injap pencampur mandian dan pancuran mandi**

**33B.** Seseorang yang memasang kepala paip mandian, injap pencampur mandian dan pancuran mandi hendaklah memastikan kadar aliran kepala paip mandian, injap pencampur mandian dan pancuran mandi itu tidak melebihi 10 liter per minit.”.

**Pindaan kaedah 65**

5. Subkaedah 65(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “Kecuali bagi tangki simbah yang menggunakan sistem sifon.”.

**Pindaan kaedah 75**

6. Subkaedah 75(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memotong perkataan “atau penggantian semula”.

**Pindaan kaedah 79**

7. Kaedah 79 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Jika—

- (a) meter gagal untuk mencatat dengan betul isi padu air yang dibekalkan melaluinya ke mana-mana premis atas sebab perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta atau pelanggaran mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini oleh pengguna; atau



(b) meter didapati terlebih catat di bawah subkaedah 78(6),

caj yang akan dikenakan, berkenaan dengan mana-mana tempoh atau bahagian daripada suatu tempoh yang pada pendapat pemegang lesen pengagihan air kegagalan itu atau terlebih catat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan (a) atau (b) telah berlaku atau berterusan, hendaklah—

- (i) atas asas purata penggunaan air bagi premis itu atau premis yang serupa bagi tiga bulan terakhir bil yang pada pendapat pemegang lesen pengagihan air tidak terdapat kegagalan sedemikian;
- (ii) atas asas suatu tambahan kepada atau suatu tolakan daripada amaun yang boleh dicaj bagi suatu tempoh pengebilan tertentu yang bersamaan dengan peratus yang meter itu telah ditentukan telah mencatat terlalu sedikit atau terlalu banyak, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (iii) atas asas anggaran penggunaan air yang dikira untuk tiga bulan daripada bacaan pemeriksaan yang diambil daripada meter baharu yang dipasang di premis itu mengikut subkaedah 78(5).”.

#### **Pindaan kaedah 81**

8. Kaedah 81 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “dan peranti pemadaman kebakaran yang lain”.

#### **Pindaan kaedah 83**

9. Kaedah 83 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan takrif “Pengurusan” dengan takrif yang berikut:

“Pengurusan” ertinya—

- (a) mana-mana pemaju sebelum pembentukan badan pengurusan bersama atau perbadanan pengurusan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan;
- (b) badan pengurusan bersama atau ejen pengurusannya yang ditubuhkan atau dilantik di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan;
- (c) perbadanan pengurusan atau ejen pengurusannya atau pentadbir yang ditubuhkan atau dilantik di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan; atau
- (d) mana-mana orang yang diberi kuasa yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain bagi pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi atau komuniti berpagar;’.

**Pindaan kaedah 98**

10. Subkaedah 98(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “jika berkenaan;” perkataan “dan”; dan
- (b) dengan memotong perenggan (b).

**Pindaan Jadual Pertama**

11. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam butiran (A)—

- (i) dalam subbutiran (xiii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“AS/NZS 2642.2:2008	Sistem Perpaipan Paip Polibutilena (PB). Bahagian 2: Paip Polibutilena (PB) untuk Kegunaan Air Panas dan Sejuk”; dan

- (ii) dalam subbutiran (xvii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“BS EN 10312:2002	Paip Keluli Tahan Karat Dikimpal untuk Pengaliran Larutan Cecair Termasuk Air untuk Kegunaan Manusia - Keperluan Penghantaran Teknikal
JIS G 3448:2012	Tiub Keluli Tahan Karat Ringan untuk Perpaipan Biasa”;

(b) dalam butiran (B)—

- (i) dalam subbutiran (i), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“BS EN 12201-3:2011+A1 :2012	Sistem Perpaipan Plastik untuk Bekalan Air, Saliran dan
	Pembetulan di bawah Tekanan. Polietilena (PE). Lengkapan”;



- (ii) dalam subbutiran (ix), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“AS/NZS 2642.3:2008	Sistem Perpaipan Paip Polibutilena. Bahagian 3: Lengkapan Sambungan Mekanikal untuk Digunakan dengan Paip Polibutilena (PB) bagi Kegunaan Air Panas dan Sejuk”;

- (iii) dalam subbutiran (xviii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“EN 12842:2012	Lengkapan Besi Mulur untuk PVC-U atau Sistem Perpaipan PE. Keperluan dan Kaedah Ujian”;

- (iv) dalam subbutiran (xxix), dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“MS 1396:2018	Simpai Logam - Spesifikasi (Semakan Kedua)”;

- (v) dengan memasukkan selepas subbutiran (xxxiv), subbutiran dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Perkara	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(xxxv) Lengkapan Mekanikal Termoplastik	SIRIM 11:2017	Spesifikasi bagi Lengkapan Mekanik Termoplastik untuk Sistem Perpaipan Tekanan Plastik”;

- (c) dalam butiran (D), dengan memasukkan selepas subbutiran (ix), subbutiran dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Perkara	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(x) Tangki Panel Keluli Berombak dengan Bersalut	SIRIM 18:2017	Spesifikasi bagi Tangki Panel Keluli Berombak dengan Bersalut untuk Simpanan Air”;



(d) dalam butiran (E)—

- (i) dalam subbutiran (i), dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“BS EN 593:2017	Injap Pengindustrian. Injap Kupu-Kupu Logam untuk Tujuan Umum”;

- (ii) dalam subbutiran (iii), dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “BS EN 1171:2002” dengan perkataan “BS EN 1171:2015”;
- (iii) dalam subbutiran (iv), dengan menggantikan perkataan “BS EN 12334: 2001” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“BS EN 16767:2016	Injap Pengindustrian. Injap Sehala Keluli dan Besi Tuang”;

- (iv) dalam subbutiran (vi), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“SIRIM 9:2017	Injap Penahan Termoplastik untuk Bekalan Air Boleh Diminum dalam Bangunan”;

- (v) dengan memasukkan selepas subbutiran (xv) subbutiran dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Perkara	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(xvi) Injap Polietilena (PE)	EN 12201-4:2012	Sistem Perpaipan Plastik untuk Bekalan Air, dan untuk Perparitan dan Pembedungan di bawah Tekanan. Injap Polietilena (PE)”;

(e) dalam butiran (H)—

- (i) dalam subbutiran (i), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

<b>Ruang (2) Nombor Standard</b>	<b>Ruang (3) Tajuk Standard</b>
“BS EN 816:2017	Kepala Paip Sanitari. Injap Penutupan Automatik PN 10
BS EN 15091:2013	Kepala Paip Sanitari. Pembukaan dan Penutupan Elektronik Kepala Paip Sanitari”;

- (ii) dalam subbutiran (ii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

<b>Ruang (2) Nombor Standard</b>	<b>Ruang (3) Tajuk Standard</b>
“BS EN 1287:2017	Kepala Paip Sanitari. Paip Pencampur Termostatik Bertekanan Rendah. Spesifikasi Teknikal Umum”;

- (iii) dengan memasukkan selepas subbutiran (ii), subbutiran dan butir-butir yang berikut:

<b>Ruang (1) Perkara</b>	<b>Ruang (2) Nombor Standard</b>	<b>Ruang (3) Tajuk Standard</b>
“(iii) Pancuran Mandi	BS EN 1112:2008	Kepala Paip Sanitari. Alur Keluar Pancuran Mandi bagi Kepala Paip Sanitari untuk Sistem Bekalan Air Jenis 1 dan Jenis 2. Spesifikasi Teknikal Umum”.

#### **Pindaan Jadual Kelima**

12. Jadual Kelima kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “set” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “serahan”.

**Pindaan Jadual Ketujuh**

13. Jadual Ketujuh kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “set” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “serahan”.

Dibuat 5 Mei 2021

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1; PN (PU2)660/XIV]

WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
*Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara*

**WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006****WATER SERVICES INDUSTRY (WATER RETICULATION AND PLUMBING)  
(AMENDMENT) RULES 2021**

In exercise of the powers conferred by section 180 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Commission makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Water Services Industry (Water Reticulation and Plumbing) (Amendment) Rules 2021**.

(2) These Rules come into operation on 10 May 2021 except the provisions specified in subrule (3).

(3) Subparagraphs 11(b)(iv), 11(d)(i), 11(d)(ii) and 11(d)(iii) of these Rules come into operation on 10 May 2023.

**Amendment of rule 2**

2. The Water Services Industry (Water Reticulation and Plumbing) Rules 2014 [*P.U. (A) 36/2014*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2—

(a) by substituting for the definition of “developer” the following definition:

“developer” means any person or government agency that engages in or carries out or undertake or provides monies for developing works related to water supply systems; and



(b) by inserting after the definition of “sampling station” the following definition:

‘ “service reservoir” means any reservoir for storing treated water at atmospheric pressure, constructed or to be constructed for the purpose of serving a development area;’.

#### **Amendment of rule 7**

3. Rule 7 of the principal Rules is amended-

(a) in paragraph 3(a), by substituting for the words “and the supply main within the development area” the words “ or the supply main to the development area or both”; and

(b) in subrule (4) —

(i) in the national language text, by inserting after the words “Jika pemegang lesen pengagihan” the word “air”; and

(ii) by substituting for the words “the centralized service reservoir together with the supply main which is to be connected to the public main” the words “the centralized service reservoir or the supply main which is to be connected to the public main or both”.

#### **New rules 33A and 33B**

4. The principal Rules are amended by inserting after rule 33 the following rules:

##### **“Flow rate of taps and mixing valves**

**33A.** A person who installs a tap and a mixing valve shall ensure that the flow rate of the tap and the mixing valve not exceeding 8 litres per minute except for—

(a) cleaning activity that requires higher water flow rate;

(b) watering plant activity that uses hose and requires higher water flow rate; and

(c) vehicle washing activity at the car wash centre.

##### **Flow rate of shower taps, shower mixing valves and shower heads**

**33B.** A person who installs a shower tap, a shower mixing valve and a shower head shall ensure that the flow rate of the shower tap, the shower mixing valve and the shower head not exceeding 10 litres per minute.”.

**Amendment of rule 65**

5. Subrule 65(1) of the principal Rules is amended by deleting the words "Except for flushing cistern using a siphonic system,".

**Amendment of rule 75**

6. Subrule 75(2) of the principal Rules is amended in the national language text by deleting the words "atau penggantian semula".

**Amendment of rule 79**

7. Rule 79 of the principal Rules is amended by substituting for subrule (1) the following subrule:

"(1) Where—

(a) a meter has failed to register correctly the volume of the water supplied through it to any premises due to the commission of any offence under the Act or contravention any provisions of these Rules by a consumer; or

(b) a meter is found to over-register under subrule 78(6),

the charge to be made, in respect of any period or part of a period during which in the opinion of a water distribution licensee such failure or over-registration, as the case may be, under paragraph (a) or (b) has occurred or continued, shall be—

(i) on the basis of an average water consumption of such premises or similar premises for the last three months of billing during which in the opinion of the water distribution licensee there was no such failure;

(ii) on the basis of an addition to or a subtraction from the amount chargeable for a particular period of billing corresponding to the percentage by which such meter was determined to register too little or too much, as the case may be; or

(iii) on the basis of an estimated water consumption calculated for three months from the check readings taken from a new meter installed at the premises in accordance with subrule 78(5).".

**Amendment of rule 81**

8. Rule 81 of the principal Rules is amended by deleting the words "and other fire fighting devices".

**Amendment of rule 83**

9. Rule 83 of the principal Rules is amended by substituting for the definition of “Management” the following definition:

‘ “Management” means—

- (a) any developer prior to the formation of a joint management body or management corporation established under the relevant written laws;
- (b) a joint management body or its managing agent established or appointed under the relevant written laws;
- (c) a management corporation or its managing agent or administrator established or appointed under the relevant written laws; or
- (d) any authorized person appointed under any other written laws for the management of high-rise residential or gated community;’.

**Amendment of rule 98**

10. Subrule 98(1) of the principal Rules is amended—

- (a) in paragraph (a), by inserting after the words “ if applicable;” the word “and”; and
- (b) by deleting paragraph (b).

**Amendment of First Schedule**

11. The First Schedule to the principal Rules is amended—

(a) in item (A)—

(i) in subitem (xiii), by inserting the following particulars:

Column (2) Standard Number	Column (3) Standard Title
“AS/NZS 2642.2:2008	Polybutylene (PB) Plumbing Pipe Systems. Part 2: Polybutylene (PB) Pipe for Hot and Cold Water Applications”; and



(ii) in subitem (xvii), by inserting the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“BS EN 10312:2002	Welded Stainless Steel Tubes for the Conveyance of Aqueous
	Liquids Including Water for Human Consumption - Technical Delivery Conditions
JIS G 3448:2012	Light Gauge Stainless Steel Tubes for Ordinary Piping”;

(b) in item (B)—

(i) in subitem (i), by inserting the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“BS EN 12201-3:2011+A1 :2012	Plastic Piping Systems for Water Supply, and for Drainage and Sewerage under Pressure. Polyethylene (PE). Fittings”;

(ii) in subitem (ix), by inserting the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“AS/NZS 2642.3:2008	Polybutylene (PB) Plumbing Pipe Systems. Part 3: Mechanical Jointing Fittings for Use with Polybutylene (PB) Pipes for Hot and Cold Water Applications”;

(iii) in subitem (xviii), by inserting the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“EN 12842:2012	Ductile Iron Fittings for PVC-U or PE Piping Systems. Requirement and Test Method”;

(iv) in subitem (xxix), by substituting for the particulars relating to it the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“MS 1396:2018	Ferrules - Specification (Second Revision)”;

- (v) by inserting after subitem (xxxiv), the following subitem and particulars:

<b>Column (1) Items</b>	<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“(xxxv) Thermoplastic Mechanical Fittings	SIRIM 11:2017	Specification for Thermoplastic Mechanical Fittings for Plastics Pressure Piping Systems”;

- (c) in item (D), by inserting after subitem (ix), the following subitem and particulars:

<b>Column (1) Items</b>	<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“(x) Corrugated Steel Panel Tanks with Liner	SIRIM 18:2017	Specification for Corrugated Steel Panel Tanks with Liner for Water Storage”;

- (d) in item (E)—

- (i) in subitem (i), by substituting for the particulars relating to it the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“BS EN 593:2017	Industrial Valves. Metallic Butterfly Valves for General Purposes”;

- (ii) in subitem (iii), in column (2), by substituting for the words “BS EN 1171:2002” the words “BS EN 1171:2015”;
- (iii) in subitem (iv), by substituting for the words “BS EN 12334:2001” and the particulars relating to it the following particulars:

<b>Column (2) Standard Number</b>	<b>Column (3) Standard Title</b>
“BS EN 16767:2016	Industrial Valves. Steel and Cast Iron Check Valve”;



(iv) in subitem (vi), by inserting the following particulars:

Column (2) Standard Number	Column (3) Standard Title
“SIRIM 9:2017	Thermoplastic Stopvalves for Portable Water Supply in Buildings”; and

(v) by inserting after subitem (xv) the following subitem and particulars:

Column (1) Items	Column (2) Standard Number	Column (3) Standard Title
“(xvi) Polyethylene (PE) Valve	EN 12201-4:2012	Plastics Piping Systems for Water Supply, and for Drainage and Sewerage under Pressure. Polyethylene (PE) Valves”;

(e) in item (H)—

(i) in subitem (i), by inserting the following particulars:

Column (2) Standard Number	Column (3) Standard Title
“BS EN 816:2017	Sanitary Tapware. Automatic Shut-Off Valves PN 10
BS EN 15091:2013	Sanitary Tapware. Electronic Opening and Closing Sanitary Tapware”;

(ii) in subitem (ii), by inserting the following particulars:

Column (2) Standard Number	Column (3) Standard Title
“BS EN 1287:2017	Sanitary Tapware. Low Pressure Thermostatic Mixing Valves. General Technical Specification”;
	and



(iii) by inserting after subitem (ii), the following subitem and particulars:

Column (1) Items	Column (2) Standard Number	Column (3) Standard Title
“(iii) Shower Head	BS EN 1112:2008	Sanitary Tapware. Shower Outlets for Sanitary Tapware for Water Supply Systems Type 1 and Type 2. General Technical Specification”.

#### Amendment of Fifth Schedule

12. The Fifth Schedule to the principal Rules is amended in column (3), by substituting for the word “set” wherever appearing the word “submission”.

#### Amendment of Seventh Schedule

13. The Seventh Schedule to the principal Rules is amended in column (3), by substituting for the word “set” wherever appearing the word “submission”.

Made 5 May 2021

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1; PN (PU2)660/XIV]

WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
*Chairman of Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara*

#### P.U. (A) 223.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
DAN  
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN UKRAINE) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Ukraine) 2021**.